

08/05/2002

Malaysia setuju hantar bantuan ke kem Jenin (HL)

Kadir Dikoh; Mona Ahmad; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia bercadang menghantar bantuan kewangan, makanan atau perubatan kepada mangsa serangan tentera Israel di kem pelarian Palestin di Jenin, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau baru saja menerima laporan dan gambar daripada seorang rakannya di Dubai mengenai keadaan di Jenin yang menunjukkan seolah-olah berlaku gerak gempa yang dahsyat.

"Dia meminta kita mengadakan usaha membantu dan saya akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya kita memberi bantuan sama ada wang, makanan atau ubat," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengkritik keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membubarkan misi mencari fakta di Jenin berhubung dakwaan rakyat Palestin dibunuh beramai-ramai.

Beliau mempersoalkan amalan diskriminasi PBB seperti yang ditunjukkan badan dunia itu yang mendesak supaya dibenarkan memeriksa tempat senjata Iraq bagi mengawasi program senjata nuklear negara itu. "Jika mereka perlu memeriksa, PBB mesti memeriksa semuanya atau jangan periksa langsung," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini, hari ini.

Dr Mahathir turut mengecam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kerana banyak bercakap tetapi gagal bertindak secara berkesan terutama bagi menangani isu Palestin termasuk kejadian pembunuhan di kem pelarian Jenin.

Perdana Menteri berkata, memang mudah mengeluarkan kenyataan keras seperti mengutuk kekejaman Israel dan selepas itu tidak membuat apa-apa tindakan susulan.

"Saya menyatakan ini kerana mahu mengingatkan mereka (pemimpin OIC) mengenai tanggungjawab sebagai Muslim untuk lebih berkesan melakukan sesuatu yang produktif dan bukan mempunyai perbezaan di antara mereka.

"Saya tahu adalah sangat sensitif bagi saya untuk menyatakan ini tetapi saya rasa perlu meluapkannya.

"Kita boleh keluar kenyataan yang begitu keras dan macam-macam lagi dan orang tak peduli kepada kita. Sebab orang tak akan peduli kerana pertamanya kita tak bersatu hati.

"Yang keduanya kita tak mampu nak buat apa-apa pun. Bagi saya, nak buat kenyataan mudah...lepas itu balik pi tidur.

"Kita kena cari cara lebih berkesan dan bagi saya itu lebih penting daripada hanya membuat kenyataan dan kita buat banyak kenyataan dah," katanya ketika diminta menjelaskan ucapannya sebelum itu yang begitu kritikal terhadap OIC.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir antara lain menyuarakan kekesalannya kerana ramai yang mempersendakan OIC berikutan ketidakberkesanan pertubuhan itu yang dianggotai 56 negara.

"Saya berasa malu bahawa banyak di kalangan umat Islam dan bukan Islam mempersendakan OIC dengan menyatakan ia bermakna "Oh! I see". Implikasinya ialah kita hanya tengok dan tidak buat apa-apa.

"OIC tidak menyerlah sejak penubuhannya kerana anggotanya jarang bersetuju mengenai isu-isu. Malah agensi yang kita sudah wujudkan gagal dilaksanakan," katanya.

Ditanya kenapa umat Islam, terutama masyarakat Arab tidak sependapat mengenai isu yang melanda mereka, Dr Mahathir berkata ini kerana umat Islam pada umumnya hanya bercakap mengenai Islam sedangkan hakikatnya mereka tidak mengikut ajaran Islam.

"Kebanyakan kita bercakap mengenai persaudaraan sesama Islam dan kemudian kita saling berbunuhan. Seperti di Algeria, mereka membunuh umat Islam kerana Islam. Ini tidak betul, itu bukannya ajaran Islam," katanya.

Sebab itu, katanya, umat Islam mesti mencari cara yang lebih berkesan untuk menangani isu Palestin termasuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka.

"Saya tidak percaya yang 1.3 bilion penduduk Islam di dunia tidak boleh berbuat apa-apa. Kita boleh tetapi kita kena fikir, jangan kita bertindak kerana nak lepas geram, kerana marah. Itu tak guna," katanya.

Dr Mahathir juga percaya lebih banyak tindakan ganas akan dilakukan selagi masalah Palestin tidak diselesaikan kerana rasa marah umat Islam semakin memuncak sekarang.

Katanya, selepas serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat, negara Islam melahirkan kesediaan untuk bekerjasama dalam menentang keganasan tetapi mereka kini terpaksa berdepan dengan diskriminasi dalam mentafsirkan keganasan.

"Keganasan Israel tidak dikutuk manakala serangan oleh pengikut Arafat dikecam. Ini sungguh tidak adil. Dan dengan itu umat Islam sekarang menjadi lebih marah berbanding sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, Israel mengambil kesempatan daripada langkah dunia menentang keganasan dengan menyerang rakyat Palestin atas alasan kononnya rakyat Palestin adalah pengganas.

"Tetapi serangan Israel itu adalah satu tindakan keganasan yang lebih teruk lagi kerana ia disokong oleh kerajaan. Tindakan yang dilakukan oleh rakyat Palestin tidak disokong oleh kerajaan (Palestin).

"Kerajaan Palestin dihalang daripada mempunyai sebarang kawalan ke atas penduduknya yang bertindak sendiri kerana terpaksa.

"Saya tidak menyokong perbuatan serangan berani mati dan seseorang itu terpaksa menerima hakikat bahawa penduduk negara itu tiada pilihan kerana tiada sesiapa yang menolong mereka," katanya.

Mengenai pertemuan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon dengan George W Bush di Washington hari ini bagi meyakinkan Presiden Amerika itu bahawa Yasser Arafat adalah pengganas, Dr Mahathir berkata:

"Itu hak dia nak jumpa dengan George Bush. Nak kata apa, itu hak dia. Kita tak persoal hak dia tetapi kita ada hak juga nak kata apa pun."

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak mempunyai rancangan untuk menemui Arafat dalam tempoh terdekat ini dan cuma mengutus surat.

(END)